



KERATAN AKHBAR

28 OGOS 2021
SABTU



SIN CHEW DAILY NANYANG SIANG PAU



Sains hantar lori tangki air ke Terengganu



SEREMBAN - Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) sekali lagi menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen serta dua kakitangannya ke Terengganu pada Jumaat bagi membantu Syarikat Air Terengganu (Satu).

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, bantuan itu dihulurkan berikutan paip 'pumping' 1,200 milimeter (mm) di dasar Sungai Terengganu pecah semula menyebabkan penutupan penuh operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Kepong 2.

"Penutupan tersebut mengakibatkan gangguan bekalan air kepada lebih 28,700 akaun pengguna di sebahagian besar daerah Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

"Semoga usaha Sains ini dapat membantu Satu meringankan beban pengguna di kawasan terjejas terutama dalam situasi pandemik Covid-19 yang mencabar ini," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Aminuddin turut berharap agar LRA Kepong 2 dapat dibaiki dengan segera dan bekalan air kembali dipulihkan buat para pengguna terjejas.

Pada Ogos lalu, Sains turut menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen bagi membantu Satu yang menghadapi masalah gangguan bekalan air di Kuala Nerus.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, dua kakitangan dan sebuah lori tangki bergerak ke Terengganu pada Khamis bagi membantu syarikat tersebut membuat pengagihan bekalan air.

SAINS hantar lori tangki air ke Terengganu - MB NS


SEREMBAN, 28 Ogos – Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sekali lagi menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen dan dua kakitangannya ke Terengganu semalam bagi membantu usaha meringankan beban pengguna susulan masalah gangguan air di beberapa kawasan di negeri itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun berkata ini kerana paip 'pumping' 1,200 milimeter (mm) di dasar Sungai Terengganu pecah semula, menyebabkan penutupan penuh operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Kepong 2.

Beliau berkata penutupan itu sekali gus mengakibatkan gangguan bekalan air melibatkan 28,700 akaun pengguna di sebahagian besar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

"Semoga usaha SAINS ini dapat membantu Syarikat Air Terengganu (SATU) dalam meringankan beban pengguna yang terjejas terutama ketika situasi pandemik COVID-19 yang mencabar ini. Kita juga berharap LRA Kepong 2 dapat dibaiki dengan segera dan bekalan air kembali dipulihkan," katanya menerusi catatan di Facebook rasminya hari ini.

Pada 5 Ogos lepas, SAINS dilaporkan telah menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen bagi membantu SATU susulan masalah gangguan bekalan air di Kuala Nerus.



Negeri Sembilan Hantar Bekalan Air Segera Ke Terengganu – Aminuddin

SEREMBAN, 28 Ogos – Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) menghantar bekalan air ke Terengganu bagi membantu Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) yang menghadapi masalah tekanan air rendah.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pihak SAINS menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen berserta dua kakitangan.

“Semalam, SAINS sekali lagi menghantar sebuah lori tangki berkapasiti 1,200 gelen bersama dua kakitangan ke Terengganu bagi membantu SATU.

“Bantuan dihulurkan berikutan paip ‘pumping’ 1,200 mm di dasar Sungai Terengganu pecah semula menyebabkan penutupan penuh operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Kepong 2,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, penutupan terbabit mengakibatkan gangguan bekalan air kepada lebih 28,700 akaun pengguna di sebahagian besar Daerah Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

“Semoga usaha SAINS ini dapat membantu SATU meringankan beban pengguna di kawasan yang terjejas, terutama dalam situasi pandemik COVID-19 yang mencabar ini.

“Saya juga berdoa agar LRA Kepong 2 dapat dibaiki dengan segera dan bekalan air kembali dipulihkan bagi pengguna yang terjejas, insya-Allah,” katanya.

Terdahulu, penduduk di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu sekali lagi terpaksa berdepan masalah gangguan bekalan air, susulan berlaku tekanan air rendah sejak awal 23 Ogos lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau Terengganu, Dr Mamad Puteh dilaporkan berkata, SATU mengesan masalah itu pada jajaran paip ke Tangki Utama Berangan yang berada pada paras tidak normal.

